

KEFAHAMAN SUBJEKTIF

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 1

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada hari itu, Asmah langsung tidak pergi ke kantin semasa waktu rehat. Dia duduk bersendirian di meja dan bangku batu di bawah pokok di belakang bangunan sekolahnya. Asmah hanya termenung sambil melamun sambil menunggu bunyi loceng tanda waktu rehat akan tamat. Dalam keadaan **melamun** itu, Asmah terasa bahunya ditepuk orang. Dia menoleh ke kirinya. Rakannya, Zainah sedang berdiri disebelahnya berkata, "Eh! Mengapa tidak pergi makan di kantin? Saya tertunggu-tunggu awak. Ini mesti ada sesuatu."

"Oh! awak Inah. Terkejut saya. Saya sedang fikirkan tentang Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah iaitu PSLE yang akan diadakan pada minggu depan. Saya berasa bimbang dan khuatir sehingga tidak ada selera untuk makan. Ibu bapa saya sudah letakkan penuh kepercayaan dan **keyakinan** bahawa saya boleh lulus dengan cemerlang. Saya bertambah bimbanglah," kata Asmah dengan perlahan.

"Ah, orang macam awak, tidak perlu khuatir atau bimbang! **Awak tidak mungkin menghadapi kesukaran**. Bukankah awak murid yang terbaik dalam peringkat darjah enam. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Pra-peperiksaan awak pelajar terbaik dan lulus dengan sungguh **cemerlang**," puji Zainah secara jujur.

"Awak tidak boleh berkata begitu," jawab Asmah.

"Asmah, awak murid yang sentiasa sudah bersedia untuk ujian-ujian. Kami sedarjah tahu awak tidak akan belajar hanya apabila peperiksaan menjelang. Awak tetap bersedia kerana usaha awak setiap hari dari awal-awal tahun," puji Zainah lagi.

Asmah hanya tersenyum mendengar kata-kata rakannya itu. Kata-kata rakannya itu memang benar tetapi Asmah tetap bimbang kerana kesilapan boleh berlaku kalau kita berasa terlalu yakin dan macam-macam boleh berlaku semasa peperiksaan.

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1 Di manakah Asmah berada pada waktu rehat pagi itu?

2 Apakah Asmah lakukan di situ?

3 Mengapakah Asmah tidak ada selera untuk makan pada pagi itu?

4 Beri dua sebab mengapakah Zainah berasa yakin Asmah akan lulus peperiksaan penting itu dengan cemerlang.

- 5 Pada pendapat awak, apakah maksud ayat "**Awak tidak mungkin menghadapi kesukaran**" yang terdapat dalam petikan ini.

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **melamun**

(ii) **keyakinan**

(iii) **cemerlang**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **hampir atau sudah dekat** ialah

PELAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 2

RAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Mamat dilahirkan dengan kedua-dua belah kakinya cacat, terpendek dan kecil serta tidak boleh berfungsi. Semasa kecil, Mamat perlu **mengengsot** dari satu tempat ke tempat yang lain. Ibu bapanya sedih melihat keadaan Mamat. Pak Din selalu mengeluh bersendirian, "Apa nak jadi bila engkau sudah besar dan masanya untuk bersekolah." Pak Din yang penyabar itu menerimanya sebagai **takdir**. Pak Din tidak putus-putus berdoa untuk anaknya yang seorang itu.

Pak Din bekerja sebagai pemandu peribadi seorang saudagar kaya yang baik hati. Ibu Mamat juga bekerja sebagai pembantu rumah saudagar kaya itu. Saudagar kaya itu telah mendirikan sebuah rumah kecil di **pekarangan** rumahnya untuk Pak Din dan keluarganya. Segala makan minum dan keperluan harian Pak Din dan keluarganya disediakan oleh saudagar itu. Pak Din juga diberi gaji untuk perbelanjaan keluarganya.

Pada hari Mamat genap berumur empat tahun, saudagar itu dan isterinya pulang dari pejabat mereka lebih awal. Pak Din berkejar untuk membuka pintu kereta. Saudagar itu menyuruh Pak Din membuka tempat meletak barang di belakang keretanya. Setelah dibuka, Pak Din keluarkan sebuah kotak kek dan sebuah kerusi roda. Saudagar itu berkata, "Ini kek untuk Mamat. Hari ini dia sudah berumur empat tahun, masa untuk belajar di tadika. Mak Teh boleh gunakan kerusi roda ini untuk membawanya ke tadika di seberang jalan itu pada waktu pagi. Selepas memasak dan kemas rumah, Mak Teh boleh menjemputnya pulang. Pak Din jangan bimbang, saya akan tanggung segala perbelanjaan sekolahnya walaupun hingga ke universiti sekalipun." Bertalu-talu Pak Din mengucapkan terima kasih kepada majikannya.

Tanpa mengenal penat, Mak Teh akan hantar Mamat ke tadika dan menjemputnya pulang. Sehingga hari ini, Mak Teh akan berbuat demikian untuk Mamat yang sedang menuntut dalam darjah 6 di sebuah sekolah rendah kira-kira 200 meter jauhnya. **Walaupun Mamat cacat, dia dianugerahi sesuatu yang sangat-sangat berguna.** Mamat sungguh cerdik, terang hati dan seperti garam jatuh ke laut. Pak Mat sentiasa berdoa agar anaknya itu akan tercapai cita-citanya untuk menjadi seorang doktor.

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1. Apakah kekurangan Mamat semasa dilahirkan?

2. Bagaimanakah Mamat bergerak dari satu tempat ke tempat lain semasa bayinya?

3. Apakah pekerjaan Pak Din?

4. Bagaimanakah Mamat pergi ke sekolahnya?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat **“Walaupun Mamat cacat, dia dianugerahi sesuatu yang sangat-sangat berguna.”** dalam perenggan akhir petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **mengengsot**

(ii) **takdir**

(iii) **pekarangan**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **boleh melakukan atau mengerjakan sesuatu** ialah _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 3

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pak Din dan Mak Teh duduk di serambi depan rumah mereka. Sudah menjadi kebiasaan mereka akan duduk berbual di serambi itu sambil menantikan waktu isyak setelah bersolat maghrib. Mereka bualkan tentang masa depan Mamat. Pada malam itu, Mamat tiada bersama mereka. Dia tinggal di sebuah asrama di Universiti Kebangsaan Singapura supaya tidak menyusahkannya **berulang-alik** dari rumah ke Univesiti dengan berkerusi roda. Sekarang, Mamat seorang mahasiswa tahun akhir dalam ilmu perubatan.

Malam itu Pak Din tidak bercakap seperti biasa. Dia sedang **mengenangkan** kisah dia mula-mula bekerja dengan Encik Abdullah Tan. Masa itu, Pak Din baru berusia 20 tahun. Dia bekerja sebagai pemandu peribadi Encik Abdullah, seorang saudagar beras. Encik Abdullah adalah seorang saudara baru yang telah memeluk agama Islam sebelum berumah tangga dengan seorang wanita Melayu. Encik Abullah dan isterinya itu telah **dikuniakan** seorang anak lelaki bernama Ibrahim. Ibrahim adalah anak tunggal mereka. Pak Din juga bertanggungjawab untuk menghantar dan menjemput Ibrahim pergi dan pulang dari sekolah semasa dia bersekolah. Ibrahim itu adalah majikan Pak Din sekarang.

Encik Ibrahim, telah mengambil alih pengurusan perniagaan ayahnya apabila ayah dan ibunya meninggal dunia lima tahun lepas. Pada masa itulah Encik Ibrahim mahu Pak Din dan keluarganya tinggal di rumah yang sudah didirikan di pekarangan rumahnya itu.

Setelah bersolat isyak, Pak Din dan Mak Teh duduk di serambi rumah sambil minum kopi dan makan pisang goreng. Mereka ternampak Encik Ibrahim dan isterinya, Cik Liza sedang menuju ke rumah mereka. Sambil bersalam, Encik Ibrahim mengatakan dia dan isterinya hendak berbual dengan Pak Din dan Mak Teh. Pak Din menghulur tangannya untuk menyambut kedatangan Encik Ibrahim suami isteri. **Mak Teh meminta diri kerana hendak pergi ke dapur.** Setelah mereka duduk, Encik Ibrahim bersuara, "Mulai esok, Pak Din dan Mak Teh tidak boleh tinggal di rumah ini lagi. Pak Din mesti pindah." Mendengar kata-kata Encik Ibrahim itu, Pak Din terperanjat dan tercengang. Mukanya pucat dengan mulutnya ternganga. "Tapi, tapi Tuan..." Pak Din cuba bersuara....

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1. Apakah yang sudah menjadi kebiasaan Pak Din dan Mak Teh setelah bersolat maghrib?

2. Mengapakah Mamat tiada bersama mereka pada malam itu?

3. Mengapakah Pak Din tidak berbual seperti biasa semasa menanti waktu isyak pada malam itu?

4. Bilakah masanya Pak Din dan keluarganya tinggal di sebuah rumah di pekarangan rumah majikannya?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, "**Mak Teh meminta diri kerana hendak pergi ke dapur.**" dalam perenggan akhir petikan ini ?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **berulang-alik**

(ii) **mengenangkan**

(iii) **dikurniakan**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **cuma satu sahaja** ialah

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 4

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Mendengar kata-kata mula Encik Ibrahim itu, Pak Din terperanjat dan tercengang. Mukanya pucat dengan mulutnya ternganga. "Tapi, tapi Tuan..." Pak Din cuba bersuara.

Belum sempat Pak Din dapat meneruskan, Encik Ibrahim **mencelah**, "Tidak ada tapi, tapi, Pak Din. Pak Din mesti pindah."

"Tuan, kasihkanlah kami. Ke mana kami nak pergi Tuan?" rayu Pak Din.

Dengan suara penuh emosi, Encik Ibrahim berkata, "Pak Din sekeluarga tidak akan ke mana-mana. Pak Din dan Mak Teh manusia yang bertanggungjawab, jujur, berbudi bahasa, rajin, penyayang dan tabah. Mulai esok, Pak Din, Mak Teh dan Mamat akan pindah dan tinggal bersama saya dan Liza di rumah saya seperti satu keluarga. Pak Din dan Mak Teh adalah pengganti ibu bapa saya yang sudah tiada. Mak Teh akan menjadi nenek kepada anak saya, Sazali"

Pak Din menyampuk, "Tapi Tuan, mengapa?"

Encik Ibrahim **menatap** muka Pak Din sambil berkata, "Pak Din ingat semasa saya berumur 8 tahun dahulu? Saya dan ibu bapa saya berkelah di East Coast Park. Pak Din sedang memerhatikan saya berenang dari pantai. Dengan tiba-tiba ribut mdatang. Laut bergelora dengan ombak melambung hebat. Saya telah hanyut tenggelam-timbul dibawa arus deras. Tanpa memikirkan keselamatan diri sendiri, Pak Din telah terjun ke dalam laut untuk menyelamatkan saya. Kalau tidak, sudah tentu saya mati lemas di laut. Saya berhutang nyawa kepada Pak Din. Sudah tentu saya sudah tiada lagi untuk menikmati apa yang saya dapati sekarang."

"Tuan, itu adalah tanggungjawab saya. Saya dibayar gaji," kata Pak Din.

Encik Ibrahim berkata, "Benar Pak Din tetapi jasa Pak Din yang sangat besar itu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Inilah sahaja yang dapat saya lakukan. Oh, ya! Saya telah belikan Pak Din sebuah van muatan 12 orang. Pak Din boleh gunakan van itu untuk **mengangkut** pelajar-pelajar sekolah dan pekerja-pekerja kilang. **Pak Din boleh dapat kelebihan selain daripada habuan yang akan saya beri.** Mari kita tengok bilik Pak Din dan Mak Teh serta bilik Mamat yang Liza sudah siapkan. Pak Din tidak perlu jadi pemandu saya lagi. Mulai sekarang jangan panggil kami berdua dengan Tuan atau Puan lagi. Gunakan nama-nama kami sahaja"

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1. Bagaimanakah reaksi Pak Din apabila mendengar kata-kata mula Encik Ibrahim?

2. Apakah Pak Din meminta daripadanya apabila Encik Ibrahim suruh Pak Din pindah rumah?

3. Ke manakah Encik Ibrahim mengatakan Pak Din dan keluarganya akan berpindah?

4. Apakah jawapan Encik Ibrahim apabila Pak Din bertanyakan mengapa dia berbuat begitu kepada keluarganya?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “**Pak Din boleh dapat kelebihan selain daripada habuan yang akan saya beri.**” dalam perenggan akhir petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **mencelah**

(ii) **menatap**

(iii) **mengangkut**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud merasai sesuatu yang menyenangkan hati ialah _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 5

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pagi Ahad itu, Samri bangun lebih awal daripada biasa. Apabila dia buka matanya dan lihat ke kanannya, Samri terperanjat. Dia ternampak seorang sedang bersolat di biliknya itu. Setelah dia lihat dengan lebih teliti, dia dapati sepupunya dari Kelantan yang baru datang menziarahi mereka sedang bersolat subuh. Sepupunya itu baru sampai di rumah Samri pada semalamnya. Dengan tidak berlengah, Samri capai tualanya lalu bergegas ke bilik mandi.

Jali, sepupunya sedang membaca doa semasa Samri mula bersolat. Sebaik sahaja mereka berdua telah **menunaikan** kewajipan mereka itu, Samri mengajak Jali ke dapur. Samri bercadang untuk menyiapkan sarapan untuk mereka berdua.

Samri tersenyum apabila melihat ibunya di dapur. Samri terus menghampiri ibunya lalu mencium tangannya diikuti oleh Jali.

Pada pagi itu semasa mereka bersarapan, Encik Majid, mengatakan bahawa mereka berempat akan pergi berkelah di Pantai Changi. Samri ketawa sambil menepuk tangannya beberapa kali. Jali hanya tersenyum sahaja. Semasa bersarapan, Encik Majid berkata, "Selepas bersarapan ini, kamu berdua siapkan bekalan yang akan dibawa. Samri ada dua atau tiga seluar renang, Jali boleh pinjam satu."

"Tak perlu, Pak Ngah. Saya ada bawanya sendiri. Hari itu, Samri telah menelefon saya bahawa kita akan pergi berkelah semasa saya berada di sini," jawab Jali.

Semasa di Pantai Changi, mereka **bersantai** terlebih dahulu sambil melihat keadaan di pantai itu. Sungguh ramai orang yang berkelah di situ juga.

Samri dan Jali meminta kebenaran untuk berenang. Ayah dan ibu Samri benarkan. Semasa mereka berenang, beberapa orang budak lelaki sedang bermandi-manda dengan gembira. Tiba-tiba, mereka terdengar jeritan meminta tolong. Kelihatan seorang budak sedang **terkapai-kapai** dibawa arus yang deras. Keadaan menjadi cemas dan kelam kabut. Budak-budak lain yang berada di dalam laut itu terus naik ke pantai dalam ketakutan. "Naik ke darat!" kata Jali kepada Samri. Dia berenang menuju ke arah budak yang meminta tolong itu. Apabila Jali sampai ke budak itu dan cuba tolongnya, budak itu ketawa terbahak-bahak. Dia hanya bermain-main kerana hendak takutkan kawan-kawannya.

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1. Mengapakah Samri terperanjat sebaik sahaja dia bangun tidur pada pagi itu?

2. Apakah Jali lakukan selepas bersolat subuh?

3. Apakah rancangan mereka pada hari Ahad itu?

4. Apakah yang terjadi semasa Samri dan Jali sedang berenang?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “ **Samri tersenyum apabila melihat ibunya di dapur.**” dalam petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **menunaikan**

(ii) **bersantai**

(iii) **t erkapai-kapai**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud dengan tidak membuang masa ialah _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 6

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Golongan remaja zaman moden ini menghadapi pelbagai cabaran hidup. Mereka terdedah dengan pelbagai pembaharuan dan pemodenan. Mereka terpaksa menerima pembaharuan untuk arus pemodenan dan kemajuan Negara.

Sebilangan besar golongan remaja ini pula lebih menitikberatkan pembaharuan dan pemodenan yang negatif. Contoh paling jelas yang dapat kita lihat ialah mereka mudah terpengaruh dengan kebudayaan yang dibawa dari barat. Kita dapat lihat ini dengan cara mereka berpakaian dan pergaulan mereka. Pakaian ringkas dan **mencolok** mata sudah menjadi kebiasaan di tempat-tempat orang ramai dan keramaian. Cara pergaulan mereka tidak lagi seperti adat ketimuran yang telah diamalkan pada suatu masa dahulu. Selain daripada itu, cara hidup bebas yang diamalkan oleh orang-orang barat menarik perhatian para remaja **tempatan** dan mereka tidak suka diperintah untuk melakukan sesuatu.

Ramai remaja rasakan diri mereka sudah matang. Mereka menonjolkan diri mereka sebagai orang-orang dewasa dengan merokok dan melakukan kegiatan-kegiatan yang biasa dilakukan oleh orang dewasa. Masalah kewangan juga merupakan salah satu sebab ramai remaja **terjebak** kepada kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. **Ada di antara mereka terpaksa memikul tanggungjawab keluarga.** Oleh itu, mereka mencari jalan mudah untuk mendapatkan wang seperti mencuri, memeras ugut dan lain-lain. Dalam keadaan seperti ini jika mereka tidak dapat bimbingan dan tunjuk ajar yang betul, ia boleh membawa akibat yang lebih buruk.

Ibu bapa mestilah tahu dan faham tentang emosi anak-anak remaja mereka. Keadaan salah pengertian dan fikiran yang belum cukup matang membuat para remaja mengambil tindakan negatif. Nasihat-nasihat dan tunjuk ajar hendaklah disampaikan dengan cara yang betul. Ibu bapa haruslah memahami isi hati anak-anak dengan membimbing mereka ke arah yang positif.

Walau bagaimanapun, ada segolongan remaja yang mempunyai kebolehan dan kelayakan untuk memimpin masyarakat dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan akar umbi masyarakat. Ramai Imam di masjid-masjid dan kadi dari Majlis Ugama Islam terdiri daripada kaum muda,

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

- 1 Mengapakah golongan remaja zaman moden ini menghadapi pelbagai cabaran hidup?

- 2 Nyatakan dua aspek kebudayaan barat yang mudah mempengaruhi para remaja.

- 3 Apakah yang boleh menyebabkan para remaja mengambil tindakan negatif?

- 4 Berikan dua langkah yang harus diambil oleh ibu bapa untuk membimbing anak-anak mereka ke arah yang positif.

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “ Ada di antara mereka terpaksa **memikul tanggungjawab keluarga.**” dalam petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **mencolok**

(ii) **tempatan**

(iii) **terjebak**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **menjadikan jelas kelihatan** ialah

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 7

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada satu hari selepas makan malam, Wahid telah mengadu kepada ibu dan bapanya bahawa dia sudah berasa penat bersekolah. Dia mahu berhenti bersekolah dan mencari pekerjaan untuk mendapat wang dan **berseronok** seperti orang lain.

Wajah ayahnya berubah. Dia menggeleng-gelengkan kepalanya. Dengan suara yang perlahan tetapi serius, ayahnya berkata, “Wahid, engkau masih muda dan perlu faham bahawa sekarang belum masanya untuk engkau berseronok. **Engkau mesti bekalkan diri untuk masa depan.** Hanya pendidikan dapat mencerahkan masa depan engkau.” Encik Sharom teruskan dengan mengisahkan **keazaman** seorang budak kampung yang miskin.

Abu seorang **piatu**. Di kampung itu ada sebuah sekolah atap. Murid-murid di sekolah itu seramai beberapa orang sahaja. Mereka diajar oleh seorang guru bernama Cikgu Amir. Abu tidak dapat bersekolah kerana tidak mampu. Abu sangat ingin hendak bersekolah seperti kanak-kanak lain. Setiap hari, Abu akan duduk di luar sambil mendengar dan memerhatikan apa yang diajar oleh Cikgu Amir melalui celah-celah dinding papan.

Pada suatu hari, Cikgu Amir nampak Abu duduk di luar sekolah itu lalu menghampirinya. “Mengapa kamu tidak belajar di dalam?” Abu menerangkan keadaan dirinya yang sebenar. Cikgu Amir berasa kasihan. Dia menyuruh Abu belajar di dalam bersama murid-murid lain. Abu berasa gembira dapat belajar bersama murid-murid lain. Dia berazam untuk belajar dengan rajin, tekun dan bersungguh-sungguh. Begitulah kisah Abu yang mempunyai keazaman yang kuat belajar sehingga berjaya menjadi seorang peguam.

Setelah mendengar kata-kata ayahnya itu, Wahid termenung sejenak sambil berfikir. Dia faham akan kebenaran kata-kata ayahnya itu. Wahid meminta maaf dan berjanji dia akan mencontohi keazaman Abu.

Sekarang Wahid adalah seorang mahasiswa tahun akhir dalam bidang perubatan di Universti Kebangsaan Singapura.

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1 Apakah yang Wahid mengadu kepada ibu dan bapanya?

2 Bagaimanakah reaksi Encik Sharom apabila mendengar kata-kata Wahid itu?

3 Apakah nasihat Encik Sahrom kepada anaknya?

4 Apakah yang Abu lakukan semasa Cikgu Amir mengajar muridnya?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “ **Engkau mesti bekalkan diri untuk masa depan.**” dalam petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **berseronok**

(ii) **keazaman**

(iii) **piatu**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud mempunyai perasaan simpati ialah _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 8

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada pagi itu, murid-murid berhimpun di dewan sekolah untuk waktu perhimpunan. Seorang pegawai dari Rumah Anak Yatim Darussalam telah dijemput untuk berucap kepada murid-murid. Beliau bermula dengan memberi ucapan Selamat Pagi kepada murid-murid.

Beliau meneruskan, “ Nama saya Dr. Farhan Salim. Saya bertugas sebagai pengurus di Rumah Anak Yatim Darussalam. Semasa saya berusia lima tahun, ayah saya telah meninggal dunia. Setahun kemudian, ibu saya pula telah turut ayah saya. **Saya telah ditempatkan di rumah kebajikan itu kerana saya sebatang kara.** Rumah pangsa yang disewa oleh ibu bapa saya dahulu telah dipulangkan ke HDB.

Semasa saya tinggal di rumah kebajikan itu, saudara-mara saya ialah kanak-kanak dan pegawai-pegawai di rumah anak yatim itu. Di situ, kami pergi dan pulang dari sekolah dengan menaiki sebuah bas khas. Selepas makan tengah hari dan berehat, seorang pegawai akan bantu kami dalam pelajaran sekolah. Selepas itu, kami dibenarkan bermain permainan yang kami suka atau berehat-rehat sahaja. Saya pula suka bantu tukang kebun menjaga tanaman di sekitaran rumah itu.

Pada sebelah malam pula, kami disuruh mengulang kaji pelajaran sekolah dan dibenarkan menonton televisyen. Saya lebih gemar membaca buku-buku sains dan ilmu perubatan daripada menonton televisyen. Ini adalah kerana kematian ayah saya disebabkan penyakit kanser dahulu.

Pada pukul sepuluh malam semua lampu dalam dormitori akan dipadamkan dan kami tidak dibenarkan keluar ke mana-mana selepas waktu itu.

Kadang-kadang, pada hari-hari Ahad dan cuti umum, kami dibawa bersiar-siar dengan bas. Ada kalanya, beberapa orang **sukarelawan** akan datang untuk membawa kami pergi berkelah atau melawat ke tempat-tempat yang bersejarah.

Saya tinggal di rumah kebajikan ini sehingga dapat melanjutkan pelajaran saya hingga ke peringkat universiti. Setelah tamat pengajian, saya ditawarkan bertugas untuk mengurus rumah kebajikan tersebut. Saya berazam untuk berkhidmat dan memberi sumbangan seberapa yang **terdaya** kepada rumah ini.”

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

- 1 Mengapakah murid-murid di sekolah itu berada di dewan sekolah pada pagi itu?

- 2 Siapakah Dr. Farhan Salim?

- 3 Mengapakah Dr. Farhan ditempatkan di rumah anak yatim itu semasa dia kecil?

- 4 Apakah kegiatan-kegiatan yang boleh dilakukan oleh anak-anak yatim itu pada waktu malam?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “**Saya telah ditempatkan di rumah kebajikan itu kerana saya sebatang kara.**” dalam petikan ini?

- 6 a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **turut**

(ii) **sukarelawan**

(iii) **terdaya**

- b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **kawasan sekeliling** ialah

. KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 9

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Cik Mary Tan, guru darjah Hassan telah menelefon ibu Hassan untuk menjemputnya ke sekolah mengenai sikap Hassan. Apabila Cik Yati bertemu dengannya, Cik Mary Tan telah mengadu, “Sejak kebelakangan ini Hassan didapati tidak ambil berat dan pedulikan pelajarannya langsung. Hassan juga pernah ditangkap oleh guru disiplin kerana merokok dengan kawan-kawannya selepas waktu sekolah di kolong blok berdekatan dengan sekolahnya. **Keputusan peperiksaannya telah merosot mendadak.**”

Mendengar aduan Cik Mary Tan itu, Cik Yati menggeleng-gelengkan kepalanya sambil menjawab, “Maafkan saya cikgu. Saya tidak sangka sikapnya yang demikian itu akan terbawa-bawa ke sekolah juga. Di rumah, Hassan tidak mahu belajar dan menelaah pelajarannya. Puas sudah saya nasihat, juga tidak dipedulikan. Sejak ayahnya **terkorban** dalam satu runtuh bangunan di pejabat ayahnya bekerja dua tahun lalu, perangai dan sikap anak tunggal saya ini telah berubah. Dahulu semasa ayahnya ada, kami suami isteri sangat rapat dan dia seorang anak yang turut kata dan rajin belajar. Hassan lebih rapat dengan ayahnya daripada saya. Sekarang saya terpaksa keluar bekerja untuk mencari nafkah kami berdua. Awal pagi saya sudah keluar bersamanya semasa dia ke sekolah. Pada waktu petang apabila saya pulang, Hassan jarang berada di rumah.”

Cik Mary Tan berkata lagi, “Dahulu, saya pernah mengajarnya semasa Hassan dalam darjah 4. Hassan adalah antara murid murid-murid yang cemerlang. Hari ini, saya akan bawa Hassan berjumpa dengan pengetua supaya **diperintah** untuk dibimbing oleh saya selama satu jam setengah selepas waktu sekolah setiap hari. Saya berharap Cik Puan juga mengambil langkah-langkah yang wajar,”

Cik Yati menjawab, “Saya akan memujuk adik lelaki saya, seorang guru sekolah menjemput Hassan pulang dari sekolah selepas bimbingan Cikgu. Selepas pulang dari tempat kerja, saya akan pergi ke rumah adik saya itu untuk membawanya pulang. Pada waktu malam saya akan **memantau** pelajaran sekolahnya.”

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

1 Mengapakah guru darjah Hassan menelefon ibunya?

2 Apakah yang Cik Mary Tan adukan kepada Cik Yati?

3 Bagaimanakah sikap Hassan sejak kematian ayahnya?

4 Apakah tindakan yang akan diambil oleh guru darjahnya dan Cik Yati terhadap Hassan?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “ **Keputusan peperiksaannya telah merosot mendadak.**” dalam petikan ini?

- 6 (a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **terkorban**

(ii) **diperintah**

(iii) **memantau**

- (b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **wang yang diperlukan untuk hidup** ialah _____.

KEFAHAMAN SUBJEKTIF: LATIHAN 10

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Sekarang, ahli-ahli dan para peminat sukan terpaksa menunggu empat tahun sekali untuk menyertai dan menyaksikan Sukan Olimpik, sukan **teragung** di dunia. Pernahkah kita fikirkan bagaimana Sukan Olimpik ini bermula.

Olimpik yang mula-mula diadakan dikenali sebagai Olimpik Purba. Olimpik Purba itu telah diadakan di Yunani atau lebih dikenali sebagai Greece sekarang pada tahun 776 Sebelum Masehi. Olimpik Purba ini berlainan dengan Olimpik Moden sekarang. Pertandingan yang diadakan hanya di antara individu. Hanya satu acara sahaja iaitu lumba lari sejauh lebih kurang 200 meter tidak seperti sekarang di antara individu, berpasangan, berpasukan atau negara-negara dalam pelbagai acara.

Ada ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa Olimpik Purba ini berupa sejenis perayaan untuk **memuliakan** Zeus, Tuhan orang-orang Yunani. Ada juga di antara mereka yang berpendapat bahawa Olimpik Purba itu diadakan untuk mengelakkan peperangan di antara pelbagai puak di Yunani. Pada zaman **purba**, negara itu iaitu Greece diduduki oleh pelbagai puak. Segala puak itu sentiasa bermusuhan dan berperang. **Olimpik Purba itu diadakan supaya mereka hidup terbaik-baik.** Tujuan ini berjaya juga kerana setelah Olimpik Purba itu diadakan peperangan jarang berlaku lagi.

Walaupun demikian, bolehlah dikatakan bahawa Sukan Olimpik moden yang mula-mula telah diadakan di Bandar Athens, Greece, pada tahun 1896. Sukan ini dirasmikan oleh Raja George yang pertama di hadapan empat puluh ribu orang Yunani. Sekarang, Sukan-sukan Olimpik moden sangat meriah. Beribu-ribu peserta daripada berpuluh-puluh buah negara di seluruh dunia akan bertanding untuk merebut beratus-ratus buah pingat emas, perak atau gangsa dalam pelbagai acara sukan yang diadakan.

Negara yang menjadi tuan rumah akan mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk menjayakan sukan itu. Negara tersebut mesti bekerja keras untuk menyediakan segala-segala seperti tempat penginapan peserta-peserta, stadium-stadium, alat-alat sukan yang terbaik dan canggih, jalan-jalan raya dan lain-lain yang berkaitan.

ARAHAN: Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap dan sempurna.

- 1 Bila dan di manakah Olimpik Purba yang mula-mula diadakan?

- 2 Bagaimanakah Olimpik Purba pada masa itu diadakan?

- 3 Nyatakan **dua** pendapat ahli-ahli sejarah tujuan Olimpik Purba diadakan pada masa itu?

- 4 Apakah yang mesti dilakukan oleh negara-negara yang menjadi tuan rumah Sukan Olimpik sekarang?

- 5 Pada pendapat kamu, apakah maksud ayat, “ **Olimpik Purba** itu diadakan supaya mereka hidup **berbaik-baik**.” dalam petikan ini?

- 6 (a) Berdasarkan petikan yang diberi, beri maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan sepatah atau tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) **teragung**

(ii) **memuliakan**

(iii) **purba**

- (b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **kelompok, suku atau golongan sesuatu bangsa** ialah _____